# Ancaman virus Zika

***Singapura tidak boleh menolak kemungkinan virus Zika sedang dalam perjalanan ke sini, kata Menteri Negara Kanan Kesihatan Amy Khor bulan lalu. Ini kerana kes-kes virus Zika telah dilaporkan di negara-negara jiran.***
***Dr Khor, yang juga Menteri Negara Kanan bagi Sekitaran dan Sumber Air, berkata virus itu disebarkan oleh nyamuk Aedes aegypti, yang juga penyebab demam denggi yang menjadi perkara biasa di sini.***
***"Singapura juga terdedah kepada potensi kedatangan virus Zika juga kerana warga banyak melancong sekitar rantau ini dan sudah tentu terdapat pelancong dari luar negara," katanya.***
***Selain daripada wabak di Amerika Selatan dan di Caribbean, sejumlah kecil kes telah dikesan di timur Malaysia, Kemboja, Filipina dan Thailand, kata beliau.***



TABAHLAH, ANAKKU: Bayi Brazil, Pietro Rafael, menghidapi microcephaly. Dalam gambar ini, tubuhnya bertindak balas terhadap rangsangan semasa sesi bersama ahli fisioterapi di Pusat Pemulihan Altino Ventura di recife, Brazil. – Foto REUTERS

## APA ITU VIRUS ZIKA?

Zika merupakan virus bawaan nyamuk aedes iaitu nyamuk yang menyebarkan denggi dan chikungunya.
Ia ditemui di hutan Zika di Uganda pada tahun 1947 dan bukanlah merupakan penyakit baru bagi negara seperti Afrika.
Namun, wabak Zika mula merebak secara meluas di Hemisfera Barat sejak Mei 2015 bermula di Brazil.




USAHA BANTERAS PENULARAN: Seekor nyamuk Aedes dirakam dalam makmal Universiti El Salvador baru-baru ini. Penguasa kesihatan di sana meneruskan usaha mengekang pembiakan nyamuk itu, yang menjadi pembawa virus Zika penyebab *microcephaly* dan sindrom *Guillain-Barre* dalam bayi belum lahir. – Foto AFP

## BAGAIMANAKAH IA MEREBAK?

Disebarkan melalui nyamuk Aedes – bergantung kepada spesies.
Aedes jenis aegypti paling banyak menyebarkan Zika. Aedes jenis ini ditemui di Florida, Gulf Coast dan Hawaii.
Namun baru-baru ini, ia turut ditemui di Washington DC yang bercuaca panas.
Aedes jenis albopictus dikatakan turut mampu menyebarkan virus Zika tetapi tiada kajian kukuh mengenainya. Jenis ini boleh ditemui di utara New York dan Chicago pada musim panas.
Nyamuk Aedes biasanya menggigit pada awal pagi dan senja. Ia membiak dalam takungan air jernih dan memerlukan masa seminggu untuk menjadi nyamuk dewasa.

## SIMPTOM




KENAIKAN PADA KADAR MICROCEPHALY DI BRAZIL







## RAWATAN?

Seperti denggi, sehingga kini belum ada vaksin atau ubat khusus yang boleh melawan virus Zika.




Sumber: WHO/SEEG/CDC/Ecdc.Europa.eu/BrazilHealth

## PATUTKAH SINGAPURA DAN SELURUH RANTAU INI BERASA BIMBANG?

Sebelum 2015, virus Zika telah dikesan di beberapa kawasan di Afrika, Asia Tenggara dan Kepulauan Pasifik.
Selasa lalu, Taiwan telah melaporkan kes pertama virus itu. Seorang lelaki berusia 24 tahun berasal dari utara Thailand telah dimasukkan ke hospital selepas berada di sana bagi tugasan beliau.

## URUTAN VIRUS ZIKA

Virus bawaan nyamuk pertama kali dijumpai pada monyet di Uganda pada 1947, jumlah yang kecil jangkitan pada manusia dilaporkan sebelum 2007.




## MELINDUNGI DIRI DARIPADA VIRUS ZIKA

MENGELAKKAN DIRI DARIPADA DIGIGIT
- Repelan atau ubat nyamuk
- Baju lengan panjang berwarna terang
- Tutup pintu dan tingkap
- Kelambu

MENGHAPUSKAN TEMPAT PEMBIAKAN
- Tiada air bertakung di berkas, pasu dan tayar
- Mengasapi

MELANCONG
- Ibu mengandung disyorkan tidak ke negara yang dipercayai terdapat wabak Zika



Foto: FAIL

Grafik: MOHD SAMAD AFANDIE Sumber: WHO